

USIM kaji penggunaan al-Quran digital di sekolah



Dr Muhammad (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Sulaiman (dua dari kanan) sambil diperhatikan Mohd Nizar (tengah) selepas menandatangani perjanjian bagi penyelidikan al-Quran digital di sekolah.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan bekerjasama dengan Majlis Aspirasi Pemangkin Nasional (MAPAN) bagi menjalankan penyelidikan berkaitan kesesuaian penggunaan al-Quran digital di sekolah.

Penyelidikan menerusi Institut Kefahaman al-Quran dan Sunah, USIM itu akan membabitkan beberapa sekolah rendah terpilih sekitar kawasan Parlimen Pekan, Pahang sebagai sekolah rintis bagi projek terbabit.

Penasihat Kehormat MAPAN, Mohd Nizar Mohd Najib, berkata kerjasama itu disifatkan langkah inovatif bagi meningkatkan keberke-

sanan terhadap kaedah pengajaran serta pembelajaran al-Quran khususnya di sekolah.

“Penyelidikan ini dijalankan khusus bagi mengkaji sama ada penggunaan al-Quran digital menjadi keperluan dan tuntutan pendidikan dalam era digital masa kini. Kajian impak penggunaan al-Quran digital yang dijalankan ini menjadi kajian rintis sebelum diperluas,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis Pemeteraian Perjanjian Penyelidikan USIM dan MAPAN. Turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhamad Muda

dan Presiden MAPAN, Sulaiman Ahmad.

Kajian lanjut

Mohd Nizar berkata, hasil dapatan serta impak penyelidikan itu kelak akan dijadikan ukuran bagi menentukan pelaksanaan penggunaan al-Quran digital wajar dijadikan sebagai alat bantu mengajar dan belajar di sekolah terutama di sekolah rendah Kementerian Pelajaran.

“Sekiranya impak kajian ini positif, MAPAN akan mengemukakan cadangan kepada kementerian sebelum diterima untuk diaplikasikan sebagai teks pendidikan di sekolah,” ujarnya.